

KENYATAAN MEDIA
Kuala Lumpur, 16 Mac 2023

Khazanah lancar *Future Malaysia Programme* di bawah Dana Impak untuk merangsang ekosistem pemula tempatan

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) hari ini mengumumkan pelancaran *Future Malaysia Programme*, satu inisiatif di bawah mandat Dana Impak, yang bertujuan untuk menyokong ekosistem pemula (*start-up*) tempatan merangkumi usahawan, syarikat pemula, modal teroka dan program usaha niaga korporat melalui usaha sama dengan rakan kongsi domestik dan antarabangsa.

Dana Impak adalah komitmen RM6 bilion untuk tempoh 5 tahun dan tonggak utama di bawah strategi Khazanah untuk Memajukan Malaysia (*Advancing Malaysia*), untuk pelaburan dalam enam (6) tema bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi negara, iaitu Masyarakat Digital & Hab Teknologi, Kesihatan Berkualiti & Pendidikan untuk Semua, Pekerjaan Baik & Mobiliti Sosial, Jaminan Makanan & Tenaga, Membina Ketahanan Iklim dan Persaingan di Pasaran Global.

Inisiatif *Future Malaysia Programme* menandakan pencapaian penting bagi Dana Impak dalam meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia dan dalam membina daya tahan negara, sambil menyampaikan manfaat dan impak sosioekonomi kepada Rakyat. Selaras dengan Belanjawan Malaysia MADANI 2023, Khazanah komited untuk memainkan peranan penting, bersama-sama dengan GLIC yang lain, dalam penyaluran dana modal kepada syarikat-syarikat pemula berpertumbuhan tinggi di Malaysia, bagi mendorong inovasi dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Pengarah Urusan Khazanah, Dato’ Amirul Feisal Wan Zahir berkata, “Kita bermula dengan ekosistem pemula, yang merupakan sumber utama bidang keusahawanan, pekerjaan, inovasi dan pelaburan untuk negara. Pelbagai potensi penyelesaian bagi menangani cabaran-cabaran yang dikenal pasti di bawah tema-tema Dana Impak telah ditemui dari kalangan syarikat peringkat awal, yang memerlukan suntikan modal berisiko pada peringkat yang berbeza sepanjang usaha sama, untuk memperkembangkan inovasi dan perniagaan. Program ini juga bertujuan untuk memacu kerjasama korporat strategik dalam ekosistem modal teroka Malaysia untuk memupuk perkongsian idea dan meningkatkan nilai perniagaan dengan cara yang lebih holistik.”

Future Malaysia Programme ini menyasarkan pelaburan awal kira-kira RM180 juta melalui kerjasama dengan pengurus modal teroka tempatan dan antarabangsa terkemuka serta program usaha sama korporat yang berpusat di Malaysia.

Melalui penumpuan terhadap dua tema Dana Impak iaitu Masyarakat Digital & Hab Teknologi dan Persaingan di Pasaran Global, *Future Malaysia Programme* dapat memantapkan usaha Khazanah dalam menemukan dan mengasah potensi para usahawan permulaan dan syarikat-syarikat pemula, melalui penyediaan sokongan strategik yang diperlukan untuk berkembang.

Selaras dengan usaha ini, Khazanah dengan sukacita mengumumkan perkongsian dengan dana modal teroka - Gobi Partners, pengurus modal teroka pan-Asia, dan 500 Global, pengurus modal teroka antarabangsa. Kedua-duanya adalah antara pengurus modal teroka paling aktif dengan rekod prestasi pelaburan yang meluas dan kepakaran untuk penciptaan nilai di Malaysia. Jejak antarabangsa dan rangkaian mereka bertindak sebagai penghubung kepada kumpulan dana teroka serantau untuk melabur dalam syarikat Malaysia, dan bagi syarikat pemula Malaysia untuk berkembang di peringkat antarabangsa, dengan jangkaan untuk menjadi juara serantau.

Thomas G. Tsao, Pengasas Bersama Gobi Partners berkata, “Kami sangat teruja untuk menyokong Khazanah dalam menyampaikan mandat Dana Impak untuk negara. Sebagai firma yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan telah melabur dalam lebih 350 syarikat di seluruh dunia, kami berharap dapat membantu memperkembangkan ekosistem pemula Malaysia dan mencipta nilai masyarakat jangka panjang melalui kerjasama kami.”

Khailee Ng, Rakan Kongsi Urusan 500 Global berkata, “Impak adalah sebahagian daripada DNA modal teroka. Banyak daripada *megatrend* yang menerima pelaburan 500 Global pada hari ini - rangkuman kewangan, pendigitalan, akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan serta bandar yang mampan, adalah sejajar dengan tema-tema utama Dana Impak. Iklim ekonomi global semasa menunjukkan dengan sangat jelas bahawa masa depan kita memerlukan pembinaan semula, oleh itu menjadi satu penghormatan untuk bekerjasama dengan Khazanah dalam mendorong inovasi, berkhidmat kepada golongan terpinggir, dan meningkatkan ekonomi dan komuniti Malaysia.”

Dari segi kerjasama korporat pula, Khazanah telah menjadi rakan korporat bagi program pemecut teknologi (technology accelerator program) PETRONAS FutureTech 3.0. Program ini sejajar dengan hala tuju Khazanah untuk memupuk kerjasama korporat dan ekosistem pemula yang dipacu teknologi, dengan memupuk kerjasama erat bagi memanfaatkan kepakaran merentas industri, seraya meningkatkan nilai perniagaan.

Khazanah juga menjalin kerjasama dengan Plug and Play, platform inovasi global terkemuka yang menghubungkan syarikat pemula, badan-badan korporat, firma modal teroka, universiti dan agensi kerajaan. Sasaran perkongsian ini adalah untuk menubuhkan program inovasi dan pemecut (accelerator) korporat yang berpangkalan di Malaysia, dengan penglibatan badan-badan korporat utama Malaysia. CelcomDigi Berhad, sekutu utama Axiata Group Berhad dan salah satu syarikat portfolio Khazanah, telah menjadi rakan kongsi utama program itu dan akan memacu inisiatif itu melalui Pusat Inovasi CelcomDigi.

“Perkongsian ini akan membuka akses kepada syarikat pemula terkemuka antarabangsa dan tempatan yang berfokuskan perniagaan, di mana badan-badan korporat Malaysia dapat meneroka dan memadankan teknologi dan idea dengan keperluan inovasi mereka, sambil mengurangkan risiko yang berkaitan dengan usaha niaga korporat,” kata Dato’ Amirul Feisal.

“Kami gembira kerana Malaysia menjadi sebahagian daripada ekosistem inovasi global Plug and Play. Bekerjasama dengan Khazanah adalah permulaan yang baik untuk perjalanan kami di negara ini dan kami berharap dapat menyokong syarikat-syarikat Malaysia dalam perjalanan inovasi mereka,” kata **Jupe Tan, Rakan Kongsi Urusan Plug and Play APAC.**

Sebagai sebahagian daripada *Future Malaysia Programme*, Khazanah akan terus mengenal pasti pengurus modal teroka dan pemain ekosistem yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti, kepakaran dan cadangan nilai strategik yang saling melengkapi sebagai rakan kongsi yang berpotensi. Bersama rakan kongsinya, Khazanah menyasarkan untuk meningkatkan idea dan perniagaan Malaysia agar berdaya saing di peringkat antarabangsa dengan penyaluran modal melalui rakan kongsinya serta secara terus ke dalam syarikat dengan model perniagaan mampan yang dapat memberikan impak dan manfaat sosioekonomi kepada Malaysia.

TAMAT

For further information, please contact Sherlizza Zaharudin at Tel: +603 2034 0000 or email sberlizza.zaharudin@khazanah.com.my.

About Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) is the sovereign wealth fund of Malaysia entrusted to deliver sustainable value for Malaysians. In line with its long-term strategy of *Advancing Malaysia*, Khazanah aims to deliver its purpose by investing in catalytic sectors, creating value through active stewardship, increasing its global presence, as well as building capacity and vibrant communities for the benefit of Malaysians. For more information on Khazanah, visit www.khazanah.com.my.

About Gobi Partners

Gobi Partners is an interconnected Pan-Asian venture capital firm with US\$1.5 billion in assets under management across Asia. Headquartered in Kuala Lumpur and Hong Kong, Gobi has raised 15 funds to date, invested in over 350 startups and nurtured 10 unicorns. As a Participant of the United Nations Global Compact, the firm launched its inaugural Sustainability Report in June 2022. For more information about Gobi Partners, please visit <https://gobi.vc>

About 500 Global

500 Global is a venture capital firm with US\$2.7 billion in assets under management that invests in founders building fast-growing technology companies. We focus on markets where technology, innovation, and capital can unlock long-term value and drive economic growth. 500 Global has backed over 5,000 founders representing more than 2,700 companies operating in 81 countries. We have invested in 49 companies valued at over \$1 billion and 150+ companies valued at over \$100 million (including private, public, and exited companies). Across Southeast Asia, we have backed over 340 companies. Our 180+ team members are located across 27 countries and bring experience as entrepreneurs, investors, and operators from some of the world's leading technology companies.

About Plug and Play

Plug and Play is a global innovation platform. Headquartered in San Francisco, we have built accelerator programs, corporate innovation services and an in-house VC to make technological advancement progress faster than ever before. Since inception in 2006, our programs have expanded worldwide to include a presence in over 50 locations globally, giving startups the necessary resources to succeed. With over 80,000 startups and 550 official corporate partners, we have created the ultimate startup ecosystem in many industries. We provide active investments with 200 leading VCs, and host more than 700 networking events per year. Companies in our community have raised over \$12 billion in funding, with successful portfolio exits including Danger, Dropbox, Lending Club and PayPal.